

**PENGETAHUAN AKIDAH DAN AMALAN IBADAH PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH DI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

**[THE KNOWLEDGE OF FAITH AND PRACTICE OF WORSHIP  
OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS]**

MUHAMAD ZAKI ZAINUDDIN<sup>1\*</sup> & KHADIJAH ABDUL RAZAK<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Correspondent Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

---

*Received: 7 September 2021*

*Accepted: 16 September 2021*

*Published: 27 September 2021*

---

**Abstrak:** Akidah merupakan satu ikatan kepercayaan dan keyakinan yang kuat antara makhluk dan Pencipta. Akidah mestilah dizahirkan dalam bentuk tindakan iaitu ibadah. Ibadah membantu individu muslim mengawal dirinya daripada terlibat dengan unsur-unsur salah laku disiplin dan jenayah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan akidah dan hubungannya dengan amalan ibadah pelajar. Pengetahuan akidah pelajar dalam kajian ini adalah berkaitan dengan persoalan rukun iman yang merupakan asas pegangan umat Islam. Sehubungan itu, pengetahuan tentang akidah diukur melalui kemampuan pelajar memahami rukun Iman manakala amalan ibadah pelajar pula melibatkan amalan solat fardu, membaca al-Quran dan berpakaian menutup aurat. Kajian tinjauan ini ditadbir secara dalam talian di dua buah sekolah menengah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan melibatkan 66 orang pelajar. Instrumen soal selidik dibina melalui proses adaptasi daripada kajian-kajian lepas. Penganalisan data dilakukan menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi menggunakan min dan sisihan piawai, korelasi Pearson menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.69 dan 3.94. Hubungan yang signifikan pada tahap sederhana di antara pengetahuan akidah ( $r=0.45$   $p<0.01$ ) dengan amalan ibadah pelajar dapat dilihat melalui keputusan analisis korelasi Pearson. Hasil kajian ini diharap dapat memberi input dan inspirasi kepada guru pendidikan Islam (GPI) supaya memaksimumkan penggunaan teknologi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran akidah dan ibadah. Aktiviti-aktiviti sokongan akademik juga perlu dipelbagaikan untuk meningkatkan penghayatan akidah, amalan solat fardu, membaca al-Quran dan menutup aurat dalam kalangan pelajar dalam usaha untuk mengekang penglibatan remaja dalam salah laku jenayah.

**Kata kunci:** Akidah, ibadah, solat fardu, membaca al-Quran, menutup aurat.

**Abstract:** Faith is a strong bond of belief between the creature and the Creator. Faith must be manifested in the form of action, that is, worship. Worship helps the Muslim individual control himself from engaging with elements of disciplinary and criminal misconduct. The purpose of this study was to test the level of knowledge of faith and its relationship with the practice of worship of secondary school students. In this regard, knowledge of faith is measured through the ability of students to understand the pillars of faith while the practice of worship of students involves the practice of obligatory solat, Qur'anic recitation and wearing decent Islamic costumes. The study was administered online in two secondary schools in Kuala Pilah, Negeri Sembilan and involved 66 students. The construction of the questionnaire is through the process of adaptation from previous studies. Data analysis was performed using descriptive and inferential statistical analysis using mean and standard deviation, Pearson correlation using SPSS software. The findings of the descriptive analysis showed that the level of knowledge of the

faith and practice of worship of students was at a high level with a mean score of 4.69 and 3.94. A significant relationship at a moderate level between faith knowledge ( $r = 0.45$   $p < 0.01$ ) with students' worship practices can be seen through the results of Pearson correlation analysis. The results of this study are expected to provide input and inspiration to Islamic education teachers to maximize the use of the latest technology in the teaching and learning process for the subject of akidah and ibadah. Academic support activities should also be diversified to increase the appreciation of the faith, the practice of obligatory solat, Qur'anic recitation and wearing decent Islamic costumes among students in an effort to curb the involvement of adolescents in criminal misconduct.

**Keywords:** Faith, Worship, Obligatory Solah, Quranic Recitation, Wearing decent Islamic costumes.

Muhamad Zaki Zainuddin & Khadijah Abdul Razak. 2021. Pengetahuan Akidah dan Amalan Ibadah Pelajar Sekolah Menengah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan [The Knowledge of Faith and Practice of Worship of Secondary School Students]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 80-95.

## LATAR BELAKANG

Remaja adalah generasi pelapis dan modal insan sesebuah negara pada masa akan datang (Mohamad Zaid et al., 2019). Pengetahuan dan sahsiah remaja perlu digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik ke arah pembinaan sebuah negara bangsa yang mapan. Usaha membentuk golongan remaja berkualiti mestilah dilakukan sebaik-baiknya dan secara berterusan. Oleh itu, pengukuhan aspek rohani merupakan elemen utama dalam menentukan kementerian remaja sebagai modal insan yang holistik dan berdaya saing.

Elemen rohani perlu diberikan penekanan dalam pembinaan diri. Hal ini penting bagi mewujudkan masyarakat madani yang maju dari segi ilmu dan teknologi tanpa mengesampingkan nilai adab dan kemanusiaan. Unsur kerohanian yang telah terbina dalam diri remaja berperanan menstabilkan emosi dan mengawal diri mereka daripada terlibat dengan kefasadan gejala sosial yang kian meruncing (Khalim, Aminudin & Akila, 2010; Muhammad al-Ghazali, 2002). Hal ini boleh dilihat berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas yang mengesahkan bahawa faktor lemah pegangan agama adalah merupakan punca utama penglibatan remaja Islam dalam masalah sosial (Amaludin, 2005) dan jenayah Syariah (Amran, 1993) seperti jenayah zina (Azizah, 2012) dan seks bebas (Hasyim & Fauzi, 2002).

Oleh itu, solusi terbaik untuk mendepani isu delikueni remaja generasi Z pada hari ini ialah melalui sistem pendidikan Islam. Menurut Al-Attas (1980), asas kepada pendidikan Islam ialah ilmu akidah. Manakala salah satu tujuan utama pendidikan Islam ialah perkembangan rohani atau spiritual (Asmawati & Fathiyah, 2012). Unsur kerohanian didasari dengan elemen kepercayaan kepada Allah SWT, hari kiamat, qada' dan qadar, para Rasul, para Malaikat dan kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah. Menurut Hassan al-Banna (1949), iman boleh dibentuk melalui pendidikan dan asuhan (tarbiah) yang berterusan. Oleh yang demikian, keimanan dan kepercayaan terhadap rukun iman akan menjelmakan amalan baik dalam diri pelajar. Amalan baik yang diterjemahkan dalam bentuk amalan ibadah akan mampu mengawal remaja daripada terjebak dengan gejala negatif.

Namun terdapat kelompangan dari segi pelaksanaan iaitulah apabila dilihat aspek kerohanian kurang dititikberatkan dalam kalangan muda mudi (Makmur, 2015; Shamsiah, Saedah & Che Zarrina, 2015). Kepincangan dalam pembangunan insan ini wujud disebabkan

oleh ketidakseimbangan dalam proses pendidikan jasmani dan rohani dan mengakibatkan kepincangan salah laku remaja. Berdasarkan statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, seramai 31,258 orang remaja yang berumur antara 13 hingga 18 tahun telah terlibat dengan kes juvana yang melibatkan kes jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di seluruh Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2020. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sejumlah 21,735 kes atau 69.5% melibatkan pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam.

Statistik kes juvana sedia ada sudah cukup membimbangkan, ditambah pula dengan laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Sembilan yang menyatakan bahawa sebanyak 237 kes juvana dilaporkan di daerah Seremban daripada Januari 2020 hingga Mei 2021 yang melibatkan jenayah harta benda, kekerasan, penyalahgunaan dadah, lalu lintas dan lain-lain termasuklah aktiviti pelacuran atau *Guest Relations Officer* (GRO) dan berjudi. Daripada 237 jumlah kes keseluruhan, sejumlah 173 kes atau 73% melibatkan pesalah juvana daripada remaja Melayu yang beragama Islam.

Laporan statistik ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti remaja yang terlibat adalah pelajar sekolah menengah yang menerima pendidikan akidah dan ibadah di sekolah. Di Malaysia, aspek yang ditekankan dalam pendidikan Islam adalah secara bersepadu iaitu merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan. Kurikulum pendidikan Islam disediakan dengan bersistematik, program pendidikan yang tersusun dan disokong oleh tenaga pengajar berkualiti yang telah melalui siri latihan perguruan daripada institusi-institusi yang dikawal selia oleh kerajaan. Berdasarkan komitmen dan pasarana yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, kita boleh mengandaikan bahawa pelajar-pelajar Islam di Malaysia mampu mempraktikkan pengetahuan Islam yang dipelajari sebagai satu cara hidup sekali gus dapat memenuhi aspirasi kerajaan yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Namun, realiti yang berlaku adalah sebaliknya.

Sebagai langkah proaktif, tahap pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar perlu dikenal pasti dan hubungan antara tahap pengetahuan akidah dengan amalan ibadah pelajar sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan perlu dikaji. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada ilmu dalam bidang akidah, ibadah dan pengurusan delikueni remaja.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pendidikan Islam secara bersepadu merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan. Kematangan intelek, sosial, emosi, jasmani dan rohani pelajar boleh diseimbangkan melalui kurikulum pendidikan yang bersistematik dan bersifat holistik. Objektif ini ditekankan dalam kurikulum pendidikan Islam melalui pendidikan akidah, ibadah dan akhlak dan dipacu dengan kredibiliti dan kreativiti guru-guru pendidikan Islam. Aspirasi dalam pendidikan Islam jika berjaya direalisasikan berupaya untuk melahirkan generasi yang mempraktikkan pengetahuan Islam yang dipelajari sebagai satu cara hidup dan mampu mengekang penglibatan remaja tersebut dalam salah laku jenayah.

Di Malaysia kajian tentang pendidikan akidah dijalankan berfokus kepada aspek kurikulum, pedagogi pengajaran dan pembelajaran akidah seperti kajian Mohd Syaubari

(2019), Mohamad Maliki (2019), Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2016), Noraini (2015) dan Ahmad Yunus (2011). Di samping itu, terdapat kajian berkaitan penghayatan akidah seperti kajian Siti Roslinda (2018) dan Norsaleha (2015). Selain itu, terdapat juga kajian tentang tahap kefahaman dan penghayatan akidah serta hubungannya dengan masalah akhlak serta disiplin pelajar sekolah menengah seperti kajian Noor Shahedah (2019), Muhammad Faliq (2018), Dzulkarnain (2015) dan Ahmad Munawar (2009).

Pengetahuan akidah adalah signifikan dalam kajian ini kerana akidah memiliki keistimewaan tersendiri kerana Rasulullah SAW telah memilih pendidikan akidah sebagai modul asas dan utama dalam tempoh 13 tahun pertama dakwah baginda di Mekah (Ibnu Hisham, 1955). Sementelahan itu, remaja merupakan sasaran utama kumpulan berfahaman liberal yang bercanggah dengan prinsip tauhid serta boleh mencetuskan kecelaruan akidah dan gejala murtad (Norsaleha et al., 2021). Bahkan, majoriti remaja yang berpengetahuan rendah dalam bidang agama selalunya akan mudah terjebak dan mempunyai masalah tingkah laku delikuen (Fauziah et al., 2012). Al-Attas (1980) dan Hassan Al-Banna (1949) mengesahkan isu delikuen remaja pada hari ini boleh ditangani menerusi asas pendidikan Islam iaitu pendidikan akidah dan ibadah. Oleh itu, tahap pengetahuan akidah serta hubungan akidah pelajar dengan amalan ibadah pelajar menjadi matlamat utama kajian ini sebagai usaha untuk membendung gejala delikuen dalam kalangan remaja.

Ibadah solat fardu merupakan ibadah yang paling istimewa dan unik berbanding dengan amalan-amalan ibadah yang lain kerana difardukan di malam mikraj di langit (Mohamad Subki et al., 2014). Peringkat penting kewajipan amalan solat fardu sehingga diumpamakan sebagai tiang agama (Arnie 2016; Shukeri, Mohamad Azrien & Syed Abdurrahman, 2013) dan sebagai ibadah pertama yang akan dihisab pada hari kiamat (Anisah Ab. Ghani, 2001). Oleh itu, pelaksanaan ibadah solat fardu dilihat sebagai manifestasi rasa kesyukuran atas segala nikmat kurniaan Allah SWT yang dikecapi oleh manusia (Miftah, 2014).

Hasil kajian dalam negara menyaksikan tahap pelaksanaan amalan solat fardu pelajar adalah sederhana dan kurang memuaskan walaupun tahap pengetahuan mereka tentang amalan dan kepentingan solat adalah tinggi (Norzira 2019; Mohd Khusyairie, Mohd Muhiden & Affendi 2018; Masjuki 2017; Norhayati 2017 dan Hasna 2016). Di samping itu, solat juga mempengaruhi tingkah laku manusia kerana solat adalah sebuah medan mencari ketenangan mental dan emosi (Nor Azah, 2011). Solat juga umpama kapsul pencegah kepada perbuatan fahsyah' dan mungkar seperti dinukilkan dalam al-Quran melalui surah Al-Ankabut ayat: 45. Kajian Razmi @ Hilmi Mohamed (2015) dan Syukri et al., (2014) membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara solat dan delikuen remaja dan jika dilakukan secara sempurna dan istiqamah berupaya menurunkan kecenderungan untuk melakukan tingkah laku yang menyalahi syarak dan perundangan. Selain itu, pelaksanaan ibadah solat menepati salah satu maqasid Syariah (tujuan pelaksanaan undang-undang Syariah) iaitu untuk menjaga agama (Mohammad Zaini, Muhammad Adib & Mohd Izhar Ariff, 2020). Oleh itu, kajian ini ingin melihat pada sisi yang berlainan iaitu adakah tahap pengetahuan akidah akan mempengaruhi amalan solat fardu pelajar?

Penyucian hati mempunyai hubungan yang kuat dengan tingkah laku manusia. Jiwa yang bersih akan memancarkan perlakuan yang baik. Hati yang bersih akan memandu manusia mentaati segala suruhan dan menjauhi elemen terlarang yang telah ditetapkan (Hasnan et al., 2017). Di dalam Islam, sumber penyucian jiwa adalah melalui terapi al-Quran. Ini kerana di

dalam al-Quran telah tersedia *syifa'* (penawar) terhadap masalah kejiwaan yang melanda manusia (Wan Hakimin, Nik Mohd Nabil & Fatin Nazmin, 2019). Pengurniaan kitab bermukjizat ini melalui perantaraan malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad SAW melalui jalur riwayat yang mutawatir. Membaca kalam Allah SWT ini juga dinilai sebagai ibadah di sisi-Nya (Hasnan et al., 2017).

Dalam konteks negara kita, kajian berkaitan pendidikan al-Quran banyak berkisar tentang tahap amalan pengajaran tahfiz dan tilawah Al-Quran, sedangkan kajian tentang amalan membaca al-Quran masih kurang dijalankan dari semua peringkat umur khususnya dalam kalangan remaja. Berdasarkan kajian Salihah (2019) dan Ajmain @ Jima'ain & Muhammad Fikri (2017) menunjukkan amalan pelajar dari aspek membaca al-Quran masih pada tahap rendah.

Permasalahan sosial dalam kalangan remaja hari ini disebabkan mereka tidak mengetahui cara yang sesuai untuk mengawal dan melepaskan emosi pada platform yang sepatutnya (Rezki Perdani et al., 2020). Kesannya, remaja mencari ketenangan dengan cara yang salah sehingga terjebak dengan gejala negatif seperti penagihan dadah, alkohol dan sebagainya. Sedangkan Islam telah menyediakan alternatif terbaik untuk mencari ketenangan jiwa iaitu melalui pembacaan Al-Quran (Hasnan et al., 2017). Ini kerana mukjizat al-Quran melalui ayat-ayat sucinya mempunyai unsur terapi untuk meraih ketenangan dalam kehidupan serta penawar mujarab untuk penyakit hati seperti ujub, riak, hasad dengki dan sebagainya (Wan Hakimin, Nik Mohd Nabil & Fatin Nazmin 2019). Dapatan kajian Nursyahidah, Nurul Husna & Yusmini (2020) dan Nurul Husna & Khairul Hamimah (2020) mengesahkan membaca al-Quran sebagai elemen utama dalam penyucian jiwa dan sebagai pengisian utama dalam program koreksi berasaskan Islam di pusat koreksional, institusi pemulihan dan penjara di Malaysia. Oleh itu, kajian tentang tahap amalan membaca al-Quran dalam kalangan remaja perlu dilakukan untuk melihat pengaruh membaca al-Quran sebagai mekanisme penyucian jiwa bagi membantu remaja mengawal emosi dan seterusnya dapat menjauhi unsur-unsur kejahatan dan kefasadan.

Amalan pelajar dari segi aspek menutup aurat pula, terdapat sebahagian pelajar hanya berpakaian menutup aurat pada masa tertentu sahaja seperti masa pengajaran dan pemudahcara (PdPc) Pendidikan Islam dan Pendidikan Asas Fardu Ain (PAFA). Mereka akan kembali membukanya atau tidak menutup aurat dengan sempurna semasa aktiviti Pendidikan Jasmani dan kegiatan kokurikulum. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian pelajar berpakaian menutup aurat dengan sempurna (Muhamad Zahiri et al., 2017). Tuntutan agama tersebut sebagai maqasid Syariah iaitu untuk menjaga maruah dan keturunan manusia masih kurang difahami oleh segelintir pelajar (Mohd Azlan, 2016). Di samping itu, masih ramai dalam kalangan wanita berpakaian seolah-olah telah menutup aurat, namun pada hakikatnya masih dikategorikan sebagai belum menutup aurat dengan sempurna kerana memakai pakaian yang ketat, sempit, kecil dan nipis sehingga memperlihatkan bentuk tubuh badan (Masroha, Nur Azuki & Salini Aina 2020; Murtopo 2017; Romlah 2016). Hikmah menutup aurat gagal difahami sebagai agen yang melindungi diri daripada fitnah, selain merupakan ikhtiar supaya tidak terjebak ke dalam kluster gejala sosial (Wan Ramizah & Mohd Farid Ravi 2020). Oleh itu, kajian tentang tahap amalan menutup aurat perlu dilakukan untuk melihat pengaruh amalan menutup aurat dalam pencegahan delikueni remaja. .

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Dalam konteks kajian ini, maklumat yang dikutip bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan akidah dan hubungannya dengan amalan ibadah pelajar. Kajian ini melibatkan 66 pelajar sekolah menengah di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang telah dipilih secara rawak mudah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang diadaptasi daripada kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan konstruk pengetahuan akidah, amalan solat fardu, membaca al-Quran dan amalan menutup aurat. Soal selidik kajian mempunyai tiga bahagian iaitu a) profil responden, b) pengetahuan akidah pelajar yang terdiri daripada 16 item dan c) amalan ibadah pelajar yang mengandungi 27 item. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS yang melibatkan dapatan deskriptif untuk pengetahuan akidah dan amalan ibadah. Ujian Korelasi Pearson pula dijalankan untuk mengenal pasti hubungan di antara kedua pemboleh ubah tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar

Analisis data dilakukan secara statistik deskriptif untuk menentukan tahap pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar daripada tiga aspek utama iaitu solat fardu, membaca al-Quran dan berpakaian menutup aurat dan dipersembahkan melalui penilaian skor min, sisihan piawai dan interpretasi min. Jadual 2 di bawah ialah paparan nilai min bagi setiap item dan diklasifikasikan kepada kepada tiga tahap seperti berikut:

Jadual 2: Penilaian skor min likert lima mata

Skor min	Interpretasi Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi (T)
2.34 - 3.67	Sederhana (S)
1.00 - 2.33	Rendah (R)

Sumber: (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2016)

Jadual 3 di bawah pula ialah paparan tahap pengetahuan akidah pelajar melalui hasil keputusan analisis deskriptif dengan keputusan skor min dan interpertasinya.

Jadual 3: Tahap pengetahuan akidah pelajar

Konstruk	Min	SP	Interpretasi
Pengetahuan akidah	4.6960	.37881	Tinggi

Keputusan analisis statistik tahap pengetahuan akidah pelajar adalah tinggi. Ini kerana apabila analisis terhadap semua item dalam bahagian ini dilakukan, hasil yang diperolehi menunjukkan interpretasi skor min pada tahap tinggi. Ini bermakna secara keseluruhannya, tahap pengetahuan akidah pelajar adalah tinggi.

## Tahap Amalan Ibadah Pelajar

Jadual 4 menunjukkan tahap amalan ibadah pelajar berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.94. Jika diteliti min bagi setiap konstruk amalan ibadah, didapati dua amalan ibadah iaitu amalan menutup aurat dan amalan membaca al-Quran mendapat nilai min pada tahap tinggi (4.49 dan 3.91). Manakala amalan solat fardu pula mendapat skor min sederhana (3.42).

Jadual 4: Tahap amalan ibadah pelajar

Konstruk	Min	SP	Interpretasi
Amalan solat fardu	3.42	.57	Sederhana
Amalan membaca al-Quran	3.91	.72	Tinggi
Amalan menutup aurat	4.49	.57	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>3.94</b>		<b>Tinggi</b>

## Hubungan Pengetahuan Akidah dengan Amalan Ibadah Pelajar

Penggunaan ujian korelasi Pearson dalam kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan akidah pelajar terhadap amalan ibadah pelajar. Kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah ditentukan dengan menggunakan Skala Rowntree (1981) seperti interpretasi yang dipamerkan dalam jadual 5 seperti berikut:

Jadual 5: Kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah

Nilai pekali	Tafsiran
0.00 – 0.19	Sangat lemah
0.20 – 0.39	Lemah, Rendah
0.40 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.89	Tinggi, Kuat
0.90 – 1.00	Sangat tinggi, Sangat Kuat

Sumber: Rowntree (1981) Untuk Tafsiran Nilai Pekali Korelasi 'r'

Manakala Jadual 6 di bawah adalah paparan analisis inferensi melalui ujian korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara pengetahuan akidah dengan terhadap amalan ibadah pelajar.

Jadual 6: Hubungan pengetahuan akidah pelajar dengan amalan ibadah

Pemboleh ubah	Nilai Pekali Korelasi 'r'	Interpretasi	
<b>Pengetahuan akidah</b>	Amalan solat fardu	.221	Rendah
	Amalan membaca al-Quran	.300*	Rendah
	Amalan menutup aurat	.569**	Sederhana
	<b>Amalan ibadah (keseluruhan)</b>	<b>.451**</b>	<b>SEDERHANA</b>

Nota: \*\* signifikan pada aras keyakinan  $p < 0.01$

Jadual 6 menunjukkan dapatan nilai  $r = .451$  setelah analisis korelasi dijalankan. Ini menunjukkan korelasi positif yang sederhana antara pengetahuan akidah dengan amalan ibadah pelajar. Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada ( $p < 0.01$ ). Ini bermaksud, hipotesis null iaitu tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan akidah pelajar terhadap amalan ibadah pelajar berjaya ditolak. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan akidah yang tinggi berpotensi untuk meningkatkan amalan ibadah mereka. Oleh itu, tahap amalan ibadah pelajar dapat dijangkakan berdasarkan tahap pengetahuan akidahnya. Dapatan ini memberi maksud bahawa terdapat perkaitan di antara pengetahuan akidah pelajar dengan amalan ibadah mereka.

## PERBINCANGAN

### Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan akidah pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan adalah pada tahap tinggi. Ini menunjukkan matlamat pembelajaran akidah untuk menyediakan pelajar yang bebar-benar memahami serta mempraktikkan asas akidah dalam kehidupan seharian bersesuaian dengan kehendak Islam telah tercapai.

Walaupun hasil kajian ini tidak menyamai hasil kajian Khairul Hamimah (2006) yang menunjukkan tahap pengetahuan akidah pelajar pada tahap sederhana, namun hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Muhammad Faliq (2018) yang mendapati skor min tahap kefahaman akidah pelajar berada pada tahap yang tinggi. Pengetahuan akidah mampu menanamkan rasa kebertuhanan (*God-consciousness*) dalam diri remaja (Khairul Hamimah et al., 2015) serta mampu membina daya tahan dalaman sebagai faktor pelindung remaja daripada terjebak dengan gejala tidak sihat seperti mencuri, sumbang mahram, penagihan dadah dan sebagainya. Perkara ini disahkan melalui kajian Rosni et al., (2020); Ahmad Munawar Ismail (2012) dan Khairul Hamimah (2006).

### Tahap Amalan Ibadah Pelajar

Dapatan kajian memperlihatkan amalan solat fardu pelajar pada tahap sederhana dengan skor min 3.42 serta mempunyai hubungan yang rendah antara pengetahuan akidah  $r = 0.22$  ( $p < 0.01$ ) dengan amalan ibadah solat fardu pelajar. Ini menunjukkan tahap pengetahuan akidah yang tinggi tidak menggambarkan amalan ibadah solat fardu pelajar. Dapatan kajian ini memperlihatkan trend amalan solat fardu pelajar masih pada tahap sederhana seperti dalam kajian Mohamad Kamal dan Hafizhah (2021); Mohd Khusyairie dan Mohd Muhiden & Affendi (2018) walaupun kajian mereka melihat daripada sisi yang berlainan iaitu hubungan pengetahuan solat dengan tahap pelaksanaan ibadah solat.

Walaupun, kajian ini tidak mengkaji faktor amalan ibadah solat fardu pelajar, namun terdapat kajian lain mengesahkan faktor-faktor remaja tidak menunaikan solat fardu dengan sempurna dan konsisten adalah disebabkan sikap malas pelajar menunaikan solat (Hasna & Mohd Nazari 2020; Hasna 2016; Ahmad Noor et al., 2013), menganggap solat bukan suatu



prioriti dan tidak penting (Syukri Ahmad et al., 2014) serta faktor kedangkalan ilmu pengetahuan, kefahaman dan tahap kesedaran menunaikan solat (Hasna et al., 2015).

Ibadah solat mempengaruhi tingkah laku remaja. Jika diabaikan, ia menjadi punca utama punca kepada keruntuhan akhlak dan sahsiah remaja kini (Mohd. Jirran, 2015). Malah, jika dilakukan dengan sempurna dan secara konsisten, ibadah solat mampu menjadi elemen pencegahan yang paling berpengaruh untuk menjauhkan remaja daripada tingkah laku delikuen (Fazilah et al., 2011). Pendapat ini disokong oleh Nur Farah Arina dan Mesbahul Hoque (2017) bahawa ibadah solat adalah sebagai solusi terbaik kepada permasalahan sosial remaja hari ini. Kenyataan ini disahkan melalui kajian Mohamad Kamal dan Hafizhah (2021) dan Ruzieha Abd. Halim (2017) yang mendapati penghayatan ibadah solat memberikan kesan dan implikasi yang tinggi terhadap iman dan personaliti pelajar.

Dapatan kajian memperlihatkan amalan membaca al-Quran pelajar pada tahap tinggi dengan skor min 3.91 serta mempunyai hubungan yang rendah antara pengetahuan akidah  $r = 0.30$   $p < 0.01$ ) dengan amalan membaca al-Quran pelajar. Dapatan kajian ini juga menjelaskan tahap amalan ibadah pelajar dari aspek membaca al-Quran berada pada tahap tinggi. Amalan membaca al-Quran ini menampakkan trend peningkatan berbanding dengan dapatan kajian Salihah (2019) dan Ajmain @ Jima'ain & Muhammad Fikri (2017) yang mendapati amalan membaca al-Quran pelajar pada tahap rendah.

Walaupun, kajian ini tidak mengkaji faktor amalan membaca al-Quran pelajar, namun terdapat kajian lain mengesahkan kepantasan teknologi komunikasi telah memudahkan pengguna telefon pintar membaca al-Quran tanpa perlu membuka mushaf al-Quran serta disokong dengan keharusan membaca al-Quran melalui telefon bimbit tanpa perlu berwuduk (Muhammad Fathi, 2020). Kajian Zainora et al., (2020) mendapati 86.9% pelajar memiliki aplikasi al-Quran yang dimuat turun dalam sistem android telefon pintar masing-masing. Alternatif ini memberi kesan positif meningkatkan amalan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar.

Ibadah membaca al-Quran mampu membentuk tingkah laku remaja ke arah lebih positif. Jika diamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian, emosi remaja akan sentiasa tenang dan stabil serta mampu melunakkan gelodak jiwa remaja yang sifatnya suka memberontak (Nur Amal, Azlina & Mohamed Fauzi, 2021). Kajian secara empirikal yang dilakukan oleh Ali Gobaili et al., (2020) mengesahkan bahawa tilawah al-Quran merupakan rawatan yang berkesan bagi mereka yang mengalami masalah kerohanian dan psikologi. Amalan membaca al-Quran juga mampu menstabilkan tekanan dan kegelisahan yang dialami oleh manusia khususnya kepada golongan remaja (Norfatin Nabila, 2018). Oleh itu, dengan mengamalkan pembacaan al-Quran, nilai kerohanian remaja akan bertambah baik dan kenakalan remaja dapat ditundukkan seterusnya dapat membentengi diri mereka daripada terjebak dengan tingkah laku negatif dari segi agama dan perundangan.

Selain itu, dapatan kajian memperlihatkan amalan menutup aurat pelajar pada tahap paling tinggi berbanding amalan solat dan membaca al-Quran dengan skor min 4.49 serta mempunyai hubungan yang sederhana antara pengetahuan akidah  $r = 0.57$   $p < 0.01$ ) dengan amalan menutup aurat pelajar. Oleh itu, tahap amalan ibadah pelajar adalah tinggi secara keseluruhannya. Walaupun, kajian ini tidak mengkaji faktor amalan menutup aurat pelajar, namun terdapat kajian lain yang menyokong perkembangan positif ini melalui kajian Fadila dan Munazza (2017) mengesahkan bahawa majoriti wanita memilih untuk berhijab sebagai

suatu tuntutan agama dan bukannya motivasi fesyen. Perkembangan ini turut disokong dengan kajian Sharifah Hadijah (2019) yang mendapati faktor budaya merupakan faktor utama yang mempengaruhi wanita muslim memilih untuk berhijab. Faktor media sosial juga turut mempengaruhi pemakaian menutup aurat dalam kalangan pelajar serta mendorong mereka untuk menjadi seorang muslim yang baik (Aini Maznina & Saodah, 2019).

Pemakaian menutup aurat dapat mencegah daripada berlakunya kes yang melibatkan jenayah seksual. Kajian Mahdi dan Salman (2017) mengesahkan wujudnya hubungan signifikan antara pendedahan aurat dengan perilaku jenayah seperti serangan seksual dan perzinaan. Oleh itu, jika pembukaan aurat meningkat, jumlah kejahatan akan meningkat dan jika amalan menutup aurat dipelihara, kadar jenayah juga akan turut berkurangan

### **Hubungan Antara Pengetahuan Akidah dengan Amalan Ibadah Pelajar**

Keputusan ujian korelasi Pearson memperlihatkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana dan positif antara tahap pengetahuan akidah ( $r=0.45$   $p<0.01$ ) dengan amalan ibadah pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh Muhammad Faliq (2018), yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan akidah dan penghayatan ibadah pelajar. Dapatan kajian ini juga turut menyanggah pendapat Hirschi (2017) yang menyatakan faktor keagamaan tidak memberi kesan kepada delikueni remaja.

Dapatan kajian ini juga menyokong teori jenayah umum oleh Gottfredson dan Hirschi (1990) yang mendasari teori dalam kajian ini iaitu faktor kawalan diri yang lemah adalah penyebab kepada perilaku jenayah. Dalam konteks Islam, aspek kawalan diri manusia merujuk kepada elemen akidah dan keimanan, kerana menurut Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) kekuatan akidah akan membuahkan akhlak dan moral yang baik. Teori ini disahkan oleh pengkaji dari barat yang mengiktiraf agama sebagai benteng untuk mencegah penglibatan remaja dengan aktiviti yang bertentangan dengan lunas undang-undang. Mereka mendapati remaja berpengetahuan beragama yang rendah lebih cenderung untuk terlibat dengan masalah sosial berbanding remaja berpengetahuan agama yang tinggi (McCullough & Willoughby 2006; Kogan et al., 2005; Stylianou 2004). Bahkan kajian di Malaysia juga turut mengesahkan perkara yang sama iaitu tahap amalan agama yang rendah menyebabkan remaja mudah terjerumus dalam kegiatan jenayah (Syazwana et al., 2019 & Dzulhailmi et al., 2014). Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini menepati teori kesepaduan ilmu yang diilhamkan oleh Imam al-Ghazali (1995) bahawa ilmu yang diperolehi seharusnya dibaluti dengan amal soleh untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

### **Implikasi Kajian**

Fokus utama kajian ini ialah aspek akidah dan amalan ibadah pelajar daripada aspek solat fardu, membaca al-Quran dan berpakaian menutup aurat sahaja. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mengutarakan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya membuat penambahbaikan terhadap Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) khususnya mata pelajaran pendidikan Islam yang berkaitan akidah dan ibadah. Selain itu, para guru pendidikan Islam perlu memaksimumkan penggunaan aplikasi teknologi terkini supaya proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pendidikan akidah dan ibadah lebih terkesan kepada pelajar.

Pendekatan ini akan mudah diserap oleh remaja hari ini kerana mereka merupakan generasi Z yang lahir pada 1998 hingga 2009 (Tapscott 2009) yang obses dengan media sosial.

Guru-guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan aktiviti-aktiviti sokongan akademik bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan amalan solat fardu, membaca al-Quran dan menutup aurat dalam kalangan pelajar khususnya bagi melahirkan pelajar yang mendirikan solat secara sukarela tanpa perlu disuruh melakukannya. Para ibu bapa, dan institusi-institusi dan bukan kerajaan perlu memperkasakan lagi kerjasama pintar sedia ada untuk merangka program yang bersesuaian untuk meningkatkan pengetahuan akidah dan pengamalan ibadah remaja.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar-pelajar sekolah menengah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan adalah tinggi dan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana dan positif antara tahap pengetahuan akidah dengan amalan ibadah pelajar. Kajian ini diharapkan memberi input berguna kepada institusi berkaitan dalam agenda meningkatkan pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar yang masih di alam persekolahan. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan sebagai agenda menyelamatkan remaja daripada terlibat dengan masalah delikueni.

## RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail. 2009. Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ahmad Munawar Ismail. 2012. Aqidah As a Basis of Social Tolerance: The Malaysian Experience. *International Journal of Islamic Thought* 1(1).
- Ahmad Noor, Noor Ley & Anisah Harun. 2013. Meningkatkan Kemahiran Mengurus Masa Menggunakan Set Kesempurnaan Solat Bagi Tahun 4 Rasional Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1. *In Seminar Penyelidikan Tindakan PPSMI 2013*, hlm. 58-67.
- Ahmad Yunus bin Kasim. 2011. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aini Maznina A. Manaf dan Saodah Wok. 2019. The Influence of Media on Hijab wearing in Malaysia: A Study among Malays (Pengaruh Media Terhadap Pemakaian Hijab di Malaysia: Satu Kajian di Kalangan Orang Melayu). *Journal of Islam in Asia* 16(1): 325–350.
- Ajmain @ Jima'ain Safar dan Muhammad Fikri Norddin. 2017. Amalan membaca dan Menghafaz Surah-Surah Dalam Al-Quran Murid Beragama Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 1(1): 45–49.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naqib. 1980. *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic Philosophy of education*. Kuala Lumpur. Muslim Youth Management of Islam (ABIM).
- Ali Ali Gobaili Saged, Mohd Yakub Mohd Yusoff, Faizuri Abdul Latif, Syed Mohammad Hilmi, Waleed Mugahed Al-Rahmi, Ahmed Al-Samman, Norma Alias dan Akram M. Zeki. 2020. Impact of Quran in treatment of the psychological disorder and spiritual illness. *Journal of religion and health* 59(4): 1824-1837.

- Amaludin Ab Rahman. 2005. Keperluan Perlaksanaan Kaunseling Islam Dalam Menangani Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Kasimin. 1993. *Ketiadaan Didikan Agama Punca Utama Kejahatan. Dlm. Masalah Sosial Dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Anisah Ab. Ghani. 2001. *Konsep dan Pengamalan solat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Arnie Adnan. 2016. Pelaksanaan Solat Bagi Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Khas), Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2012. Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4 (2): 57-70.
- Azizah binti Mahadi. 2012. Faktor Pendorong Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatul Sakinah Sungai Buloh Selangor. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dzulhilmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. 2014. Pegangan Agama Dalam Kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 9(1): 117-130
- Dzulkarnain Bin Abdullah. 2015. Tahap Kefahaman Akidah Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Bermasalah Disiplin Pelajar di Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Fadila Grine dan Munazza Saeed. 2017. Is Hijab a fashion statement? A study of Malaysian Muslim women. *Journal of Islamic Marketing* 8(3): 430-443
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah laku: Ke arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Sciences and Humanities* 7(1): 084-093.
- Fazilah Idris, Nur Riza Mohd Suradi, Siti Syaznira Muhamad, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan & Khalim Zainal. 2011. Influence of ritual behavior on religious delinquent behavior among youth: a path analysis approach. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 59 (2012): 51-60.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasan al-Banna. 1949. *Majmu'at al-Rasail*. Al-Qahirah: Dar al-Syihab.
- Hasna Bidin dan Mohd Nazari Khalid @ Abu Samah. 2020. Kajian pemahaman dan pelaksanaan ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)* 2: 1-14.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin dan Mohd Ismail Mustari. 2015. Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika* 5(3).
- Hasna Bidin. 2016. Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti negeri Johor. Tesis sarjana, UTM.
- Hasnan Kasan, Mohd Fadzil Mustafa, Siti Sarah Haimi dan Umar Faruk. 2017. Faktor Interaksi dengan al-Quran dalam Proses Penghayatan Kehidupan Beragama Pelajar-Pelajar UKM. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 84-93.
- Hasyim @ Fauzi Mat Rani. 2002. Perlakuan Rogol Dan Zina Dari Segi Sosiologi Dan Psikologi: Bagaimana Islam Menanganinya: Satu Kajian Di Penjara Kajang. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hirschi, T., & Stark, R. 2017. Hellfire and delinquency. *In The Craft of Criminology: Selected Papers*. 91–104.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad‘Abd al-Malik. 1955. *Al-Sirah al-nabawiyah*. Kaherah: Matba‘ah Mustafa Bab al-Halabi.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan. 2021.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hadenan Towpek & Nurul Husna Mansor. 2015. Program Koreksi Berasaskan Islam Melalui Program Halaqah Sebagai Medium Dakwah Kepada Banduan Di Penjara Kajang. *Al-Hikmah* 7(2): 3-22.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2006. Masalah akhlak dan hubungannya dengan akidah di kalangan pelajar Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) cawangan Kuala Lumpur. Disertasi. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khalim Zainal, Aminudin Basir @ Ahmad & Akila Mamat. 2010. Pembentukan Tingkah Laku Remaja Menurut Barat dan Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 3: 19–32.
- Kogan, S. M., Luo, Z., Murry, V. M. & Brody, G. H. 2005. Risk and protective factors for substance use among African American high school dropouts. *Psychology of Addictive Behaviors* 19(4): 382-391.
- Mahdi Momeni dan Salman Mokhtari. 2017. Criminological Analysis of Unveiling (hijab) in Iran with an Emphasis on Islamic Views (Case Study: Najaf Abad, Isfahan, Iran). *International Journal of Humanities and Cultural Studies (IJHCS) ISSN 2356-5926* 3(4): 157-169.
- Makmur, Harun. 2015. Pendidikan Sebagai Warisan Islam: Kajian dalam Perspektif Sejarah. *Prosiding Seminar Internasional Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan IAIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi*.
- Masjuki Misbah. 2017. Hubungan tahap pelaksanaan solat fardu dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di daerah Johor Bahru. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.
- Masroha Sepian, Nur Azuki Yusuff dan Salini Aina Mamat. 2020. Code of Ethics for the Application of Islam in Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 3(2): 92-101.
- McCullough, M.E., & Willioughby, L.B. 2006. Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explaination and Implication. *Psychological Bulletin* 135(1): 69-93.
- Miftah Faridi. 2014. *Indahnya Ibadah Muslim Kosmopolitan: Kaedah Beribadah dalam Kesulitan, Kesibukan dan Kesempitan Kehidupan di Bandaraya*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli. 2021. Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: The Implications of Prayer Worship on Morals Among Primary School Students. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 5 (1): 1-13.
- Mohamad Maliki Ali. 2019. Penilaian pelaksanaan kurikulum pengajaran akidah Pendidikan Islam dan amalan kemahiran berfikir kritis serta analitikal di sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohamad Zaid Mohd Hussain, Muhammad Talhah Ajmain@Jima‘ain, Ahmad Ezzuddin Mohamad dan Muhammad Fazril Amin Muhammad Fa‘aizal. 2019. Karakteristik Belia Islam Menuju Revolusi Industri 4.0. *Proceedings of The Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6 Th Ispc 2019)*.
- Mohammad Subki Abd al-Rahman al-Hafiz, Muhammad Iyadh Toto Anshari, Marina Mohd Nor dan Rabiatul Adawiah Saadon. 2014. *Panduan Solat Pesakit dan OKU*. Shah Alam: PSN Publications Sdn. Bhd.

- Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2020. Analisis Standard Hotel Mesra Muslim di Malaysia Berdasarkan Perspektif Maqasid Syariah. *International Journal of Islamic Thought* 18: 43-53.
- Mohd Azlan Md Saad. 2016. *Pemahaman pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap batas aurat dan pergaulan sosial: kajian di Kolej Matrikulasi Kedah*. Tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail. 2018. Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *Albasirah journal* 8(2): 11-22.
- Mohd Syaubari Bin Othman dan Ahmad Yunus Bin Kassim. 2016. Konsep Pengajaran Akidah Kepada Kanak-Kanak Menurut Al-Quran Dan Imam Ghazali Berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). (2017). *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 10: 83–93.
- Mohd Syaubari Bin Othman. 2019. *Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Bidang Akidah Sekolah Rendah Di Malaysia*. Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. 2015. Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Kuala Terengganu. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*, Universiti Utara Malaysia.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria, Zabariah Ahmad, Siti Salwa Md. Sawari. 2017. Kaedah Meningkatkan Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)* 1(2): 1-8.
- Muhammad al-Ghazali 2002. *Akhlak Seorang Muslim*. Terj. Batu Caves, Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Muhammad Faliq Abd Rahman. 2018. Kefahaman elemen-elemen akidah dalam bacaan asas solat dan sumbangannya terhadap penghayatan akhlak penuntut-penuntut SMKA di Perak. Tesis Sarjana Usuluddin, UKM.
- Muhammad Fathi Noordin. 2020. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-496: Bolehkah Membaca Al-Quran Di Dalam Telefon Bimbit Tanpa Berwuduk. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4443-irsyad-al-fatwa-siri-ke-496-bolehkah-membaca-al-quran-di-dalam-telefon-bimbit-tanpa-berwuduk> [3 September 2021].
- Murtopo, B. A. 2017. Etika Berpakaian dalam Islam: Tinjauan Busana Wanita Sesuai Ketentuan Islam. *Jurnal Pemikiran Keislaman Dan Kemanusiaan* 1(2): 243–251.
- Noor Shahedah Johari. 2019. Masalah akhlak dan hubungannya dengan kefahaman akidah: kajian terhadap pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan. Tesis sarjana Usuluddin. UM.
- Nor Azah Abdul Aziz. 2011. Kaedah menangani stres dengan solat. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2): 1-10.
- Noraini Ismail. 2015. Pengajaran dan pembelajaran akidah di pondok Pasir Tumboh, Kelantan. Tesis Sarjana Pengajian Islam. UKM
- Norfatin Nabila Raduain. 2018. Effect of listening to sedative music and Quranic recitations on stress level among IIUM undergraduate students. Master of Human Sciences (Psychology). *Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia*.
- Norhayati binti Ab. Ghani @ Rani. 2017. Pengetahuan tentang solat, amalan solat fardu dan penghayatan akhlak dalam kalangan murid tingkatan empat di daerah Batang Padang, Perak. Tesis sarjana. UKM.

- Norsaleha Binti Mohd. Salleh. 2015. Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati Dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Shairawi Mohd. Noor. 2021. Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies* 2(1): 96-103.
- Norzira Binti Ahmad. 2019. Pengamalan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Pengurusan Dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS). *E-Proceeding LEC 2019 Full Paper*, hlm. 83-93
- Nur Amal Zaimah, Azlina Abdullah & Mohamed Fauzi Sukimi. 2021. Isu dan Cabaran Keluarga Sebagai Agen Kawalan Sosial dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8): 207-214.
- Nur Farah Arina Binti Jusoh dan Mesbahul Hoque Chowdhur. 2017. Congregational Prayer as A Solution of Immoral Issues Among Muslim Teenagers in Malaysia: A Study from Sunnah Perspective." *2ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*, hal.1-10.
- Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor dan Yusmini Md Yusoff. 2020. Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Journal of Usuluddin* 48(2): 1-23.
- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. 2020. Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan Terpilih: Moral Recovery Program for Problematic Teenagers: A Study on Occupants' Experiences in Selected Shelters. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 7(2): 219-234.
- Razmi @ Hilmi Mohamed. 2015. Hubungan Antara Pengamalan Solat Fardhu Dengan Perilaku Delinkuen Pelajar: Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Keningau, Sabah. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya
- Rezki Perdani Sawai, Noornajihan Jaafar, Joki Perdani Sawai, Mashitah Sulaiman, Roslee Ahmadv & Masturina Mahazir. 2020. Pembinaan Modul Regulasi Emosi Menurut Perspektif Islam: Analisis Keperluan. *3rd International Seminar on Islam And Science 2020 (SAIS2020) Covid-19: Implication, Impact And Solution*, hlm. 643-655
- Romlah, R. 2016. Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial Dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan. *Journal of Techno-Social* 8(1).
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman. 2020. Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah: Drug prevention among at-risk youth through element of aqidah comprehension. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 5(2): 415-424.
- Rowntree, D. 1981. *Statistics Without Tears: A Primer for non-Mathematicians*. London: Penguin
- Ruzieha Abd. Halim. 2017. Penghayatan Agama Islam Sebagai Mediator dalam Hubungan Antara Persekitaran Sosial dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam. Tesis Dr. Fal. Universiti Teknologi Malaysia.
- Salihah Ali. 2019. Tahap keupayaan dan amalan membaca al-Quran pelajar bermasalah disiplin sekolah menengah di bahagian Kuching Sarawak. Tesis Sarjana Pendidikan. UKM.
- Shamsiah Banu Hanefar, Saedah Siraj dan Che Zarrina Sa'ari. 2015. The Application of Content Analysis toward the Development of Spiritual Intelligence Model for Human Excellence (SIMHE). *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 17: 604.

- Sharifah Hadijah binti Syed Hussin. 2019. Factors affecting Muslim women's intention to wear hijab: a study from Malaysian perspective. Master of Sciences (Marketing). Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamad Adnan & Syed Abdurrahman Syed Hussin. 2013. *Masjid Sebagai Pusat Pendidikan Berterusan Bagi Kanak-kanak dan Remaja: Satu Cabaran*. Kota Bharu, Kelantan: Nilam Puri, Universiti Malaya.
- Siti Roslinda Mohd Yahya. 2018. Penghayatan akidah Islam dalam kalangan penagih dadah wanita cure & care rehabilitation center (CCRC) Bachok, Kelantan. Tesis sarjana. UNISZA.
- Stylianou, S. 2004. The Role of Religiosity in the Opposition to Drug Use. *International Journal of Offender Therapy & Comparative Criminology* 48(4): 429-448.
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. 2019. Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences* 4(1): 93-101.
- Syukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. 2014. Penghayatan Solat Dan Pengimarahkan Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR Jun*, Kota Kinabalu, Sabah.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002. *Paradigma Pendidikan Bersepadu: Perkembangan Dua Dekad*. In. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Tapscott, D. 2008. *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. London: The McGraw-Hill.
- Raja Noraina Raja Rahim. 2019. 10,154 kes disiplin babit pelajar tahun lalu. *Berita Harian*, 18 Februari: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/532222/10154-kes-disiplin-babit-pelajar-tahun-lalu> (akses pada 08 Jun 2021).
- Wan Hakim Bin Wan Mohd Nor, Nik Mohd Nabil B Ibrahim @ Nik Hanafi dan Fatin Nazmin Mansor. 2019. Unsur Penyucian Jiwa Melalui Ayat-Ayat Al-Kawniyyah Dalam Surah Al-Naba'. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019. eISBN 978-967-2122-82-1) 5 th & 6th November 2019. Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia*, hal. 714-725.
- Wan Ramizah binti Hasan & Mohd Farid Ravi bin Abdullah. 2020. Menangani Masalah Zina menurut Perspektif al-Quran dan Sunnah: Preventing Adultery/ Fornication Issues According to The Quranic And Sunnah Perspectives. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 7(1): 49-63.
- Zainora Daud, Anuar Hasin, Norazman Alias dan Solehah Hasbollah. 2020. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Al-Quran Dalam Telefon Pintar. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020) Paper No. BM034 FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 29-30 October 2020*, hal. 572-584.